


SEMANTIK DAN INTERPRETASI

Editor
NOR HASHIMAH JALALUDDIN



DBP



SEMANTIK DAN INTERPRETASI

Editor

NOR HASHIMAH JALALUDDIN

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

2018

KK 499-320-0002011-49-1556-40101

Cetakan Pertama 2018
© Kumpulan Penulis 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, gambar kopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

SEMANTIK DAN INTERPRETASI / Editor Nor Hashimah Jalaluddin

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-49-1556-8

1. Malay language—Semantics. 2. Malay language—Terms and phrases.

I. Nor Hashimah Jalaluddin, 1961-

499.230143

Dicetak oleh
Ultimate Print Sdn. Bhd.
Lot 2, Jalan Sepana 15/3
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15
40200 Shah Alam

KANDUNGAN

<i>Senarai Rajah</i>	ix
<i>Senarai Jadual</i>	xiii
<i>Senarai Penulis</i>	xix
<i>Prakata</i>	xxi
<i>Pengenalan</i>	xxiii
Bab 1 Semantik: Makna dan Pemaknaan	1
<i>Nor Hashimah Jalaluddin</i>	
Bab 2 Perihal Parasit, Periuk Belanga dan	
Akal Budi Melayu: Analisis Semantik	
Inkuisitif	48
<i>Nor Hashimah Jalaluddin</i>	
Bab 3 Tafsiran Hiperbola dalam Sajak	
Usman Awang	74
<i>Mary Fatimah Subet</i>	
Bab 4 Fauna dalam Cerita Lipur Lara:	
Imbasan Minda Melayu	103
<i>Suriati Zakaria</i>	
<i>Nor Hashimah Jalaluddin</i>	

atau pendengar. Kajian ini menganggap situasi berfikir ini ada kaitannya dengan usaha memproses sesuatu ujaran dalam TR untuk mendapatkan maksud yang sebenarnya. Di samping itu, peranan TR dapat membantu penyelesaian makna yang sebenar.

Bab ini menggunakan TR kerana menurut pengasas teori ini, iaitu Sperber dan Wilson (1981 dlm. Nor Hashimah, 1994), dalam kaedah implikatur Grice (1975) yang berkaitan dengan maksim kerjasama, BF seperti metafora, ironi dan hiperbola jelas sekali melanggar maksim kerjasama Grice ini. Namun demikian, penggunaan BF untuk menyampaikan mesej masih mampu difahami. Pendek kata, menurut mereka mesej yang dikemukakan secara tersirat melalui penggunaan BF ini lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar. Penulisan ini berpendapat bahawa pandangan ini selaras dengan beberapa kajian yang dilakukan terhadap masyarakat Melayu yang banyak menggunakan kiasan dalam pertuturan, malu untuk meluahkan perasaan dan yang sering berselindung dalam percakapan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana jika bercakap secara langsung atau berterus-terang dikhuatiri akan menyinggung perasaan orang lain. Antara kajian yang dilakukan termasuklah kajian R. J. Wilkinson dan R. O. Winstedt (1957), C. Hooykaas (1965), Durus Ahmad (1974), M. G. Emeis (1975), Mohd. Taib Osman (1981), Asmah Haji Omar (1995), Nor Hashimah Jalaluddin (1991, 1992, 1995), Tan Mek Leng (1994), dan Jamaliah Mohd Ali (1995). Masyarakat Melayu dikatakan banyak mengemukakan bahasa kiasan dalam pertuturan mereka, seperti melalui penggunaan peribahasa dan pantun dan dapat menunjukkan walaupun cuma berkias ibarat, maksud yang hendak disampaikan oleh penutur difahami oleh pendengar. Oleh sebab itu, bersandarkan pandangan Sperber dan Wilson (1981) dan beberapa kajian berkaitan yang dilakukan di Malaysia, penulis berpendapat BF

TAFSIRAN

BAB HIPERBOLA

3 DALAM SAJAK USMAN AWANG

Mary Fatimah Subet

Bab ini mengemukakan analisis terhadap lima unsur hiperbola dalam lima buah sajak popular Usman Awang (UA). Analisis teori Relevans (TR) dilakukan secara menyeluruh terhadap bahasa figuratif (BF) hiperbola berkenaan untuk mengesan makna sebenar yang dihajati oleh UA dalam sajak-sajak beliau.

Secara amnya, hiperbola bermaksud ungkapan yang membawa pernyataan yang berlebih-lebihan, selalunya untuk menekankan sesuatu pandangan atau perasaan. Sebagai tambahan, dalam BF hiperbola juga wujud unsur-unsur luar biasa di luar jangkauan manusia. Unsur-unsur ini sesetengahnya boleh dikategorikan sebagai pembohongan. Walau apa-apa pun tanggapan yang diberikan terhadap BF hiperbola ini, yang pasti BF hiperbola ini apabila diujarkan atau dikemukakan, misalnya dalam mana-mana penulisan kreatif, akan mewujudkan situasi berfikir kepada pembaca